

## 033 SHAYKH MAHMUD KHALIL AL-HUSARI TOKOH ILMUAN AL-QURAN

**Mohd Mahfuz Bin Jaafar , Shaharuddin bin Pangilun.**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor.

### ABSTRAK

Shaykh Māḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī adalah seorang tokoh ilmuan al-Qur'an yang sangat terkenal dan dikagumi di era kegemilangan beliau yang seiring dengan kemasyhuran beberapa tokoh yang lain. Beliau sangat terkenal dengan kehebatannya dalam bidang bacaan al-Qur'an secara *Murattal* dan *Mujawwad*. Selain daripada itu, Shaykh Māḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī juga telah menghasilkan beberapa karya penulisan yang berkait rapat dengan bidang al-Qur'an dan *al-Qirā'āt*. Selain dari itu Shaykh Māḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī juga telah bergiat aktif dalam aktiviti dakwah ke beberapa buah negara di dunia. Objektif kajian ini adalah untuk memperkenalkan Shaykh Māḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī sebagai seorang tokoh ilmuan al-Qur'an yang berwibawa dengan mendasari latar belakang serta ketokohan beliau dan juga mengenalpasti sumbangan beliau di dalam suatu bidang ilmu serta sumbangan kepada masyarakat umum. Kajian ini memilih analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Data dikumpul melalui analisis dokumen dan temu bual. Manakala penganalisan data dilakukan dengan menggunakan pendekatan analisis deskriptif. Hasil kajian ini dapat memperkenalkan seorang tokoh ilmuan al-Qur'an yang berwibawa khusus dalam bidang al-Qur'an dan *al-Qirā'āt*.

### PENDAHULUAN.

Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī merupakan seorang tokoh ilmuan al-Qur'an kontemporari yang sangat terkenal di peringkat antarabangsa samada di negara-negara Islam mahupun negara-negara bukan Islam. Ketokohan beliau dalam bidang pengajian al-Qur'an terutamanya dalam ilmu *Tajwīd* dan ilmu *al-Qirā'āt* begitu dikagumi. Sumbangan beliau kepada umat dan dunia Islam telah diiktiraf semenjak beliau masih hidup hingga pada hari ini.

Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī juga merupakan orang yang pertama sekali melakukan rakaman bacaan al-Qurʾān al-Karīm secara *Murattal* dan juga *Mujawwad* dengan bacaan riwayat Ḥafṣ ʿan ʿĀṣim<sup>1</sup> sehingga 30 juzuk al-Qurʾān iaitu pada tahun 1961M bersamaan 1361H. Kemudian pada tahun 1964M beliau merakam bacaan al-Qurʾān riwayat Warsh ʿan Nāfi<sup>2</sup> seterusnya pada tahun 1968M pula beliau menambah lagi rakaman bacaan al-Qurʾān dengan riwayat Qālūn<sup>3</sup> dan juga al-Dūrī<sup>4</sup>.

## LATAR BELAKANG SHAYKH MAḤMŪD KHALĪL AL-ḤUṢARĪ.

Beliau adalah Maḥmūd Ibn Khalīl al-Ḥuṣari. *Al-Ḥuṣari* merupakan satu gelaran bagi keluarga Shaykh Maḥmūd iaitu Khalīl. Dan *Al-Ḥuṣari* juga merupakan nisbah bagi bangsa arab.<sup>5</sup>

Shaykh Maḥmūd Ibn Khalīl al-Ḥuṣari di lahirkan pada bulan Zulhijjah tahun 1335H bersamaan 17 September 1917M. Beliau dilahirkan di sebuah perkampungan bernama Shubrā al-Namlah di daerah Ṭanṭā di negeri Gharbiyyah Mesir. Ayahanda

---

<sup>1</sup>Beliau adalah Ḥafṣ ibn Sulaymān ibn al-Mughīrah al-Asadī al-Bazzāz al-Kūfī yang lahir pada tahun ke 90H dan meninggal dunia pada tahun ke 180H. Beliau telah mengambil bacaan daripada ʿĀṣim ibn Abī Najūd al-Kūfī. Rujukan: ʿAbd al-Fattāḥ al-Qāḍī, *Tārīkh al-Qurrāʾ al-ʿAsharah Wa Ruwāṭihim*, Kaherah, 1991.

<sup>2</sup>Beliau adalah Uthman ibn Saʿīd ibn ʿAbd allāh ibn ʿAmrū ibn Sulaymān ibn Ibrāhīm dilahirkan pada tahun ke 110H dan meninggal pada tahun 197H. beliau telah mengambil bacaan daripada Imām Nāfi<sup>c</sup> ibn ʿAbd al-Raḥmān ibn Abī Nuʿaym. (Rujukan: Ibid).

<sup>3</sup> Beliau adalah ʿIsā ibn Mīnā ibn Wardān ibn ʿIsā ibn ʿAbd al-Ṣamad ibn ʿAbd allāh al-Zirqī yang lahir pada tahun ke 120H dan meninggal dunia pada tahun 220H. Beliau telah mengambil bacaan daripada Imām Nāfi<sup>c</sup> ibn ʿAbd al-Raḥmān ibn Abī Nuʿaym. (Rujukan: Ibid).

<sup>4</sup>Beliau adalah Hafṣ ibn ʿUmar ibn ʿAbd al- ʿAzīz ibn Ṣuḥbān ibn ʿAdā ibn Ṣuḥbān al-Dūrī āl-Azadī al-Baghdādī yang dilahirkan pada tahun ke 150H dan meninggal dunia pada bulan Syawal tahun 246H. Beliau telah mengambil bacaan daripada al-Imām Abū ʿAmr ibn al-ʿAlāʾ al-Baṣrī dan beliau juga telah mengambil bacaan daripada al-Imām al-Kisāʾī al-Kūfī. (Rujukan: Ibid).

<sup>5</sup>Alāʾ Rifʿat, (2009), *Sirah al-Shaykh al-Qurrāʾ al-Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī*, Muntadayāt Sawt al-Qurʾān al-Hakīm, <http://quran.maktoob.com/vb/quran62868/>. (5 Januari 2011).

beliau sebenarnya berasal dari al-Fayyum Mesir, kemudian berpindah ke Shubrā al-Namlah Ṭanṭā sebelum anakandanya Shaykh Maḥmūd dilahirkan.<sup>6</sup>

Shaykh Maḥmūd Khalīl mula menghafaz al-Qur'an semasa umur beliau empat tahun. Telah menjadi kebiasaan ulama di dunia Islam khususnya di Mesir, mereka akan melengkapkan diri dengan menghafaz al-Qur'an pada usia mudanya sebelum mendalami ilmu-ilmu yang lain. Shaykh Maḥmūd Khalīl telah sempurna menghafaz al-Qur'an 30 juzuk ketika usia beliau mencecah lapan tahun. Beliau mula bersekolah ketika usianya dua belas tahun di sebuah Maḥad Agama yang terletak di bandar Ṭanṭā hingga ke peringkat *thanawiy*.

Sebelum usia Shaykh Maḥmūd Khalīl mencecah lapan tahun, beliau tidak bersekolah kerana pada waktu tersebut tidak ada maḥad yang boleh menerima sesiapa yang umurnya belum mencecah lapan tahun untuk bersekolah. Namun begitu, beliau tetap belajar secara bersendirian dengan seorang syaikh di tempat beliau dengan mempelajari ilmu *Tajwid*. Pada masa yang sama, beliau sentiasa berulang alik dari kampungnya ke masjid al-Aḥmadī di bandar Ṭanṭā setiap hari untuk menghafaz al-Qur'an seawal usia beliau empat tahun sehingga dapat menghafaz 30 juzuk al-Qur'an pada usia beliau mencecah lapan tahun.

Bacaan al-Qur'an oleh Shaykh Maḥmūd Khalīl mula dikenali dan menarik perhatian masyarakat sekeliling semasa beliau kecil lagi iaitu pada usia beliau dua belas tahun. Masyarakat sekeliling dapat mendengar bacaan al-Qur'an oleh beliau pada setiap hari sebelum memasuki waktu solat farḍu asar kerana Shaykh Maḥmūd Khalīl melazimkan dengan membaca ayat-ayat al-Qur'an di masjid di kampung beliau pada waktu tersebut.

Pada usia Shaykh Maḥmūd Khalīl mencapai dua belas tahun dengan berbekalkan al-Qur'an 30 juzuk yang telah dihafaznya diiringi dengan ilmu *Tajwid* yang telah dipelajarinya, beliau mula belajar di sebuah maḥad agama yang berada di bandar Ṭanṭā hingga ke peringkat *thanawiy*. Selepas daripada itu beliau menyambung pengajian ke

---

<sup>6</sup>Ayman ʿAbd al-Ḥakam al-Ḥuṣarī, 2010, Sejarah Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī. Temubual. (8 Jun 2010).

peringkat yang lebih tinggi iaitu di Universiti al-Azhar Mesir. Di sana beliau mempelajari ilmu pengkhususan <sup>‘</sup>Ulūm al-Qirā’āt al-<sup>‘</sup>Ashr al-Kubrā berserta *ṭuruq*, *riwāyatnya* dan juga keseluruhan sanadnya sehingga memperoleh *Shahādah* dalam pengajian <sup>‘</sup>Ulūm al-Qur’ān.

Ketika masih menuntut di Universiti al-Azhar, Shaykh Maḥmūd Khalīl merupakan seorang pelajar yang berketerampilan serta mempunyai suara dan sebutan yang hebat ketika membaca al-Qur’an. Ianya diperakui sendiri oleh guru beliau iaitu Shaykh <sup>‘</sup>Abd al-Fattāḥ al-Qāḍī kerana apabila ditanyakan soalan kepadanya siapakah pelajar Shaykh yang paling baik? Maka Shaykh <sup>‘</sup>Abd al-Fattāḥ al-Qāḍī menjawab: “Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī dan Shaykh Muḥammad Ṣiddīq al-Minshāwī”.<sup>7</sup>

Semasa di Universiti al-Azhar juga, Shaykh Maḥmūd Khalīl dipanggil untuk berkhidmat di kampung halaman beliau iaitu di Shubrā al-Namlah untuk menghidupkan malam-malam pada bulan Ramadan dengan bacaan al-Qur’ān di suatu tempat orang awam berhimpun di kampung tersebut. Khidmat beliau ini berterusan sehinggalah beliau mula menceburi bidang penyiaran pada tahun 1944 Masihi.

Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī telah berkahwin dengan isteri beliau yang bernama al-Sayyidah Su<sup>‘</sup>ād Binti Muḥammad al-Sharbīnī pada tahun 1938M iaitu ketika usia beliau 21 tahun. Dan hasil daripada perkahwinannya itu beliau dikurniakan tujuh orang cahaya mata.

Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī mula menempa nama dalam bidang penyiaran di saluran radio pada tahun 1944M ketika usia beliau 27 tahun. Ianya bermula apabila Shaykh Maḥmūd Khalīl diminta untuk memasuki satu sesi temuduga dalam ujian penyiaran. Setelah selesai memasuki ujian tersebut, Shaykh Maḥmūd Khalīl telah memperoleh berita yang baik kerana telah lulus dalam ujian tersebut dan pada hari yang sama juga beliau dapat memperdengarkan bacaan al-Qur’ān secara langsung di udara iaitu pada tarikh 16 November 1944M.

---

<sup>7</sup> Khairul Anuar Mohamad, (2011), *Legenda Tarannum al-Quran Mesir*, Darul Ulum Online, <https://darululumonline.wordpress.com/2011/09/25/legenda-tarannum-al-quran-mesir/>. (3 Februari 2011).

Pada tahun 1960 M, Shaykh Maḥmūd Khalīl memperoleh satu cadangan untuk melakukan rakaman bacaan ayat-ayat suci al-Qurʾān al-Karīm dengan bacaan secara *Murattal*. Pada mulanya beliau hanya merakam bacaan untuk beberapa surah sahaja dari al-Qurʾan. Perkara tersebut telah dikemukakan kepada badan Kementerian Wakaf Mesir dan ianya disambut baik oleh pihak kementerian tersebut dan seterusnya menyarankan agar Shaykh Maḥmūd Khalīl meneruskan melakukan rakaman bacaan ayat-ayat al-Qurʾan sehingga sempurna 30 juzuk. Dan pada akhirnya perkara tersebut mendapat sambutan yang amat memberangsangkan.

Oleh yang demikian, maka tercatatlah sejarah bahawa Shaykh Maḥmūd Khalīl merupakan seorang *Qāriʾ* yang pertama sekali melakukan rakaman bacaan ayat-ayat al-Qurʾan sempurna 30 juzuk dengan membawa bacaan riwayat Ḥafṣ<sup>c</sup> an<sup>c</sup> Ḍāʿim.

Dalam tempoh hampir sepuluh tahun, Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī telah berjaya melakukan rakaman bacaan al-Qurʾan al-Karīm dengan membaca pelbagai riwayat bacaan iaitu riwayat Warsh<sup>c</sup> an<sup>c</sup> Nāfi<sup>c</sup>, riwayat Qālūn dan juga riwayat al-Dūrī.<sup>8</sup>

Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī merupakan seorang yang berpandangan jauh dalam banyak perkara terutama dalam aspek akidah Islam. Ianya dapat dibuktikan ketika berlaku aktiviti penyebaran agama kristian di benua Afrika dan bermulanya aktiviti-aktiviti pemesongan serta pemalsuan kitab suci al-Qurʾan, maka Shaykh Maḥmūd Khalīl telah bersuara dengan menyatakan perkara ini amat berbahaya dan perlu ditangani segera kerana ianya membabitkan akidah umat Islam.

Rentetan daripada perkara tersebut maka Shaykh Maḥmūd Khalīl memainkan peranan beliau atas dasar rasa tanggungjawab ke atas akidah umat Islam dengan melakukan satu inisiatif iaitu membuat rakaman bacaan ayat-ayat al-Qurʾan al-Karīm ke dalam kaset dan piring hitam dengan harapan agar ayat-ayat al-Qurʾan al-Karīm sentiasa selamat dan terpelihara daripada dipesong atau dipalsukan oleh musuh-musuh Islam. Dan

---

<sup>8</sup>Mawqī<sup>c</sup> Faḍīlah al-Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, *al-Sirāh al-Dhātīyah*, <http://www.elhosary.page.tl> (11 Februari 2011).

berpunca di sinilah timbulnya idea dan cadangan beliau dalam melakukan rakaman bacaan al-Qur'an.

Namun demikian, terdapat juga sebahagian para *Mashāyikh* dan *Qurrā'* yang tidak bersetuju dan berselisih pendapat dengan Shaykh Maḥmūd Khalīl berkenaan dengan rakaman bacaan ayat-ayat al-Qur'ān al-Karīm tersebut. Apa yang mereka perselisihkan adalah berkenaan dengan imbuhan hasil daripada rakaman tersebut.

Namun hakikatnya Shaykh Maḥmūd Khalīl sedikit pun tidak bertujuan untuk mendapatkan apa-apa imbuhan keuntungan hasil daripada rakaman tersebut akan tetapi ianya hanya bertujuan untuk mendapatkan keredhaan dari Allah S.W.T. Shaykh Maḥmūd Khalīl menyerahkan semua hasil rakaman tersebut kepada Majlis Tertinggi Hal Ehwal Islam Mesir dan meminta agar ianya dipelihara dan diedar ke seluruh dunia Islam.

Shaykh Maḥmūd Khalīl tidak mengambil peduli tentang apa yang diperselisihkan oleh para *Mashayikh* dan *Qurrā'* sebelum ini dan beliau sering menyatakan: “Kejayaan yang telah terlaksana ini tidak pernah aku jangkakan dan ianya adalah rahmat kurniaan dari Tuhanku yang Maha Agung”.

Dan hasil dari usaha gigih Shaykh Maḥmūd Khalīl dalam menyempurnakan rakaman bacaan ayat-ayat al-Qur'an al-Karim, beliau telah memperolehi kejayaan yang besar dan telah mendapat penganugerahan daripada Presiden Jamāl 'Abd al-Nāṣir. Beliau dianugerahkan pingat Sains Dan Sastera peringkat pertama pada tahun 1967M sebagai tanda penghargaan dan penghormatan kepada beliau atas kejayaan dalam menghasilkan rakaman bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an al-Karim. Dan pada masa yang sama beliau juga menerima penghargaan dari kalangan Raja-Raja dan Presiden dari dunia Arab dan Islam.

Shaykh Maḥmūd Khalīl merupakan seorang yang kerap bermusafir ke luar negara. Dengan sebab yang demikian beliau jarang menghabiskan masa untuk bersama-sama dengan anak-anak beliau apatah lagi beliau sentiasa sibuk dengan aktiviti al-Qur'an samada dengan jemputan-jemputan tilawah, penulisan-penulisan beliau berkenaan dengan ilmu *al-Qirā'āt* dan juga sibuk dengan rakaman-rakaman bacaan al-Qur'ān.

Setahun sebelum kematian Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Huṣari, beliau ada menanam hasrat ingin membina sebuah masjid di kampung beliau iaitu di Shubrā al-Namlah dan sebuah lagi masjid di tempat yang lain serta ingin membina sebuah Maḥad Tahfīz al-Qurʾān.

Hasrat Shaykh Maḥmūd Khalīl ingin membina dua buah masjid akhirnya telah terlaksana dan beliau menyerahkan segala hal ehwal pengurusan masjid tersebut kepada pihak al-Azhar. Akan tetapi hasrat beliau ingin membina sebuah Maḥad Tahfīz al-Qurʾān belum terlaksana. Namun begitu, setahun sebelum kematian Shaykh Maḥmūd Khalīl, beliau telah mewasiatkan kepada anak-anak beliau agar hasrat ingin membina sebuah Maḥad Tahfīz al-Qurʾān tetap dilaksanakan.

Shaykh Maḥmūd Khalīl juga telah menyumbangkan satu pertiga daripada harta beliau untuk digunakan kepada perkara-perkara kebajikan. Shaykh Maḥmūd Khalīl telah mewasiatkan perkara ini kepada anakandanya sebelum kematian beliau.

Pada tahun 1980 Masihi, selepas pulangnya Shaykh Maḥmūd Khalīl daripada rehlah beliau ke negara Arab Saudi, Shaykh Maḥmūd Khalīl mula jatuh sakit dan ditambah pula dengan keletihan beliau dalam bermusafir.

Sakit Shaykh Maḥmūd Khalīl semakin kuat selepas tiga hari beliau pulang ke Mesir dan didapati beliau diserang sakit jantung. Pada masa itu para doktor perubatan telah menasihati anak-anak beliau agar Shaykh Maḥmūd Khalīl segera dimasukkan ke Pusat Rawatan Jantung. Namun Shaykh Maḥmūd Khalīl enggan mengikuti nasihat tersebut bahkan enggan untuk mengambil ubat-ubatan serta berkata: “Pengubatku hanyalah Allah S.W.T”. Apabila penyakit beliau semakin teruk, Shaykh Maḥmūd Khalīl akhirnya dihantar ke Pusat Rawatan Jantung untuk dirawat walaupun itu bukan kehendak beliau.

Selepas Shaykh Maḥmūd Khalīl pulih sepenuhnya beliau dibenarkan keluar dari Pusat Rawatan Jantung. Akan tetapi sudah menjadi ketentuan *Rab al-Jalīl*, pada hari isnin bertarikh 24 November 1980 bersamaan 16 Muharram 1401H, Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Huṣari menghembuskan nafasnya yang terakhir pada usia 63 tahun yang juga menyamai usia kewafatan Baginda Rasulullah S.A.W. Syaikh Maḥmūd Khalīl meninggal

dunia selepas beliau menunaikan solat fardu isyak di kediamannya. Semoga Allah S.W.T merahmati al-Marhum Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣārī.

## **AKTIVITI RIḤLAH DAKWAH DENGAN AL-QUR'AN OLEH SHAYKH MAḤMŪD KHALĪL AL-ḤUṢARĪ.**

Pada tahun 1960M, Shaykh Maḥmūd Khalīl telah dipilih atau dicalonkan oleh pihak Kementerian Waqaf di Mesir untuk menziarahi sebahagian dari negara-negara Islam di benua asia iaitu India dan Pakistan bagi melawat serta menjalankan aktiviti dakwah kepada penduduk Islam yang berada di negara tersebut dan ianya dipersetujui Presiden Jamāl °Abd al-Nāṣir. Bentuk aktiviti dakwah oleh Shaykh Maḥmūd Khalīl ialah dengan memperdengarkan bacaan ayat-ayat al-Qur'an kepada masyarakat di setiap negara tersebut.

Shaykh Maḥmūd Khalīl berada di India ketika persidangan Islam yang pertama sedang diadakan di sana. Persidangan tersebut dihadiri oleh Presiden India dan Presiden Mesir Jamāl °Abd al-Nāṣir. *Riḥlah* ke negara India ini merupakan rehlah pertama Shaykh Maḥmūd Khalīl ke negara luar.

Pada tahun 1963 Masihi Shaykh Maḥmūd Khalīl meneruskan aktiviti *riḥlah* beliau dengan melawat ke negara Kuwait. Ketika berada di sana, beliau dimaklumkan bahawa Yahudi Zionis telah melakukan perkara yang tidak bertanggungjawab dengan memutarbelitkan ayat-ayat al-Qur'an al-Karīm bagi menyesatkan umat Islam.

Pada tahun 1965M, Shaykh Maḥmūd Khalīl dapat menziarahi negara Perancis. Di sana beliau berpeluang berdakwah kepada Non Muslim dan hasilnya beliau dapat membimbing sepuluh warga Perancis kepada agama Islam. Satu perkara yang menarik dalam hal ini adalah Non Muslim Perancis tersebut menjadi tertarik serta memeluk Islam dengan hanya setelah mendengar bacaan al-Qur'an al-Karim oleh Shaykh Maḥmūd Khalīl.

Pada tahun 1970M pula, Shaykh Maḥmūd Khalīl berpeluang menziarahi negara Amerika Syarikat dan pada ketika itu beliau menjadi wakil bagi pihak Kementerian



Waqaf Mesir untuk menziarahi komuniti Islam yang berada di Amerika Utara dan Selatan.

Shaykh Maḥmūd Khalīl pergi ke Amerika Syarikat untuk kedua kalinya pada tahun 1973M dan pada ketika itu seramai lapan belas orang lelaki dan seorang wanita warga Amerika Syarikat memeluk Islam yang antaranya dua orang doktor dan tiga orang jurutera. Mereka bertalaqqi *Shahādah* di hadapan Shaykh Maḥmūd Khalīl dan beliau mengisytiharkan pengislaman warga Amerika tersebut. Ianya juga berlaku setelah mereka mendengar bacaan ayat-ayat al-Qur'an dari Shaykh Maḥmūd Khalīl.

Ketika berada di bandar San Francisco, seorang wanita rakyat Amerika yang beragama Kristian datang kepada Shaykh Maḥmūd Khalīl dan menyatakan dirinya ingin memeluk Islam. Wanita tersebut menyatakan beliau amat tertarik dengan bacaan Shaykh Maḥmūd Khalīl walaupun wanita tersebut tidak memahami apa yang dibaca oleh Shaykh Maḥmūd Khalīl. Dan wanita tersebut berazam untuk mempelajari bahasa arab di sebuah pusat Islam yang terdapat di sana.

Shaykh Maḥmūd Khalīl juga telah melawati beberapa buah negara di benua Eropah antaranya Rusia, Kanada, Switzerland, England dan kebanyakan ibu-ibu negara di dunia termasuklah negara Cina. Semasa di kota London, Shaykh Maḥmūd Khalīl dijemput untuk membacakan ayat-ayat al-Qur'an di dalam dewan Diraja dan di sebuah dewan yang berhadapan dengan sungai Thames di kota London. Selanjutnya Majlis Hal Ehwal Islam di London menjemput beliau ke dua buah bandar di Britain iaitu Liverpool dan Sheffield untuk beliau memperdengarkan bacaan al-Qur'an kepada warga Arab dan warga yang beragama Islam yang terdapat di sana.

Shaykh Maḥmūd Khalīl juga telah diterima untuk menjadi tetamu kepada raja-raja dan juga ketua-ketua negara seluruh dunia termasuklah Presiden Jimmy Carter yang merupakan Presiden Amerika Syarikat pada masa itu.

Shaykh Maḥmūd Khalīl meluaskan lagi aktiviti rehlah dakwah beliau dengan melawat ke negara-negara di asia tenggara iaitu ke Republik Indonesia, Filipina, Singapura dan termasuklah negara Malaysia. Semasa berada di Malaysia iaitu pada tahun 1977M, beberapa kawasan di nagara Malaysia telah dilanda banjir kerana musim hujan

dan menyebabkan Shaykh Maḥmūd Khalīl sukar untuk bergerak ke satu-satu destinasi. Oleh yang demikian kerajaan Malaysia telah memberi kemudahan kepada beliau dengan menaiki Helikopter untuk pergi menemui ribuan rakyat Malaysia yang telah sedia menunggu kedatangan Shaykh Maḥmūd Khalīl ke negara ini.

### **KARYA-KARYA KARANGAN AL-SHAYKH MAḤMŪD KHALĪL AL-ḤUṢARĪ.**

Walaupun Syaikh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī lebih dikenali umum dengan bacaan al-Qur'an beliau secara *Murattal* dan juga *Mujawwad*, namun sebenarnya beliau juga telah banyak menulis beberapa buah kitab berkenaan dengan ilmu *Tajwīd* dan ilmu *al-Qirā'āt*.

Berikut ini adalah karya-karya yang telah dihasilkan oleh Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī khusus dalam ilmu *al-Qirā'āt* namun terdapat juga beberapa karya beliau yang tidak berkait dengan ilmu *al-Qirā'āt* dan *Tajwīd* dan hasil penulisan beliau sebanyak dua belas buah kitab mengikut dapatan pengkaji iaitu:

- i. *Aḥkām Qirā'ah al-Qur'an al-Karīm.*
- ii. *Al-Qirā'āt al-<sup>c</sup>Ashr Min al-Shāṭibiyyah Wa al-Durrah.*
- iii. *Ma<sup>c</sup>ālim al-Ihtidā' Ilā Ma<sup>c</sup>rifah al-Waqf Wa al-Ibtidā'.*
- iv. *Al-Fath al-Kabīr Fī al-Isti<sup>c</sup>ādḥah Wa al-Takbīr.*
- v. *Aḥsan al-Athr Fī Tārīkh al-Qurrā' al-Arba<sup>c</sup>ah <sup>c</sup>Ashr.*
- vi. *Ma<sup>c</sup> al-Qur'an al-Karīm*
- vii. *Qirā'ah Warsh <sup>c</sup>An Nāfi<sup>c</sup> al-Madani.*
- viii. *Riwāyah al-Dūrī <sup>c</sup>An Abī <sup>c</sup>Amr Ibn al-<sup>c</sup>Alā' al-Baṣrī.*
- ix. *Nūr al-Qulūb Fī Qirā'ah al-Imām Ya<sup>c</sup>qūb.*
- x. *Al-Sabīl al-Muyassar Fī Qirā'ah al-Imām Abī Ja<sup>c</sup>far.*
- xi. *Al-Nahj al-Jadīd Fī <sup>c</sup>Ilm al-Tajwīd.*
- xii. *Riḥlatī Fī al-Islām.*

Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī pada awalnya tidak berhasrat untuk menulis kitab-kitab atau karya-karya beliau seperti di atas, akan tetapi al-Shaykh <sup>c</sup>Alī Ibn Muḥammad Ibn Ḥasan Ibn Ibrāhīm al-Ḍabā<sup>c</sup> iaitu guru kepada beliau telah memberi

saranan agar beliau melakukan penulisan sebagai hasil daripada ilmu yang telah beliau pelajari. Al-Shaykh ʿAlī Ibn Muḥammad menyarankan sedemikian kerana beliau mendapati Shaykh Maḥmūd Khalīl mempunyai bakat dan keupayaan yang besar dalam bidang yang diceburi.<sup>9</sup>

Jika dilihat dari aspek perjalanan hidup Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, beliau begitu aktif dengan aktiviti rehlah dan ziarah beliau ke luar negara dalam menjalankan aktiviti dakwah dengan al-Qurʿan dan tidak dilupakan juga dengan aktiviti beliau dalam membuat rakaman bacaan al-Qurʿan al-Karim. Namun demikian, beliau masih juga berkesempatan dalam memberi sumbangan terhadap ilmu *al-Qirāʾāt* dalam bentuk penulisan dan pengkaryaan.

Perkara sedemikian sememangnya amat dikagumi dan disanjung oleh masyarakat awam apatah lagi keseluruhan kos perbelanjaan bagi melakukan penulisan tersebut merupakan wang saku Shaykh Maḥmūd Khalīl sendiri dan hasil penulisan tersebut diedarkan kepada masyarakat awam secara percuma.

Berikut pula pengkaji menyenaraikan kembali perkara-perkara yang penting dan menarik bagi Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī semasa hayat beliau:

- i. Shaykh Maḥmūd Khalīl berjaya menghafaz al-Qurʿan 30 juzuk pada usia beliau masih lapan tahun.
- ii. Shaykh Maḥmūd Khalīl berjaya menghafaz al-Qurʿan 30 juzuk pada usia beliau masih lapan tahun.
- iii. Shaykh Maḥmūd Khalīl mempelajari seterusnya menguasai ʿUlūm *al-Qirāʾāt al-ʿAshr al-Kubrā* berserta *ṭuruq*, *riyāwāt* dan keseluruhan sanadnya seterusnya memperoleh *Shahādah* dalam pengajian ʿUlūm al-Qurʿān ketika menuntut di Universiti al-Azhar al-Sharif Mesir pada tahun 1958M.
- iv. Suara bacaan ayat-ayat al-Qurʿan al-Karim oleh Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī dapat didengari secara langsung di udara melalui stesyen radio di Mesir pada tarikh 16 November 1944 M.

---

<sup>9</sup>Masrawy, (2010) *Al-Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī*, <http://www.masrawy.com/Islameyat/quran/Sofria/2010/april/7/el7osary.aspx#>. (5 Januari 2011).

- v. Pada tahun 1961M Shaykh Mahmūd Khalīl al-Ḥuṣarī melakar sejarah kerana berjaya membuat rakaman bacaan al-Qur'an 30 juzuk secara *Murattal* dengan membawa bacaan riwayat Hafṣ <sup>ᶜ</sup>an <sup>ᶜ</sup>Āsim dan ianya juga merupakan yang pertama dilakukan di dunia.
- vi. Pada tahun 1964M Shaykh Mahmūd Khalīl al-Ḥuṣarī berjaya membuat rakaman bacaan al-Qur'ān dengan membawa bacaan riwayat Warsh <sup>ᶜ</sup>an Nāfi<sup>ᶜ</sup>.
- vii. Pada tahun 1968 M Shaykh Mahmūd Khalīl al-Ḥuṣarī berjaya pula membuat rakaman bacaan al-Qur'ān dengan membawa bacaan riwayat Qālūn, al-Dūrī dan juga Abū <sup>ᶜ</sup>Amr al-Baṣrī.
- viii. Pada tahun 1965M Shaykh Mahmūd Khalīl dapat menarik sepuluh warga Perancis kepada agama Islam hasil daripada bacaan ayat-ayat al-Qur'an oleh beliau.
- ix. Pada tahun 1967M Shaykh Mahmūd Khalīl memperoleh pingat Sains Dan Sastera peringkat pertama sebagai tanda penghormatan kepada beliau atas kejayaan dalam membuat rakaman bacaan ayat-ayat al-Qur'an al-Karim.
- x. Pada tahun 1973M Shaykh Mahmūd Khalīl dapat menarik sembilan belas warga Amerika Syarikat memeluk agama Islam hasil daripada beliau membacakan ayat-ayat al-Qur'an ketika beliau menziarahi negara tersebut buat kali keduanya.
- xi. Hasil sumbangan satu pertiga daripada harta Shaykh Mahmūd Khalīl, dua buah masjid dan sebuah Ma<sup>ᶜ</sup>had Tahfiz al-Qur'an telah dapat dibina.

## KESIMPULAN

Untuk digelar sebagai seorang tokoh, ianya bukanlah suatu perkara yang boleh dianggap mudah. Terlebih dahulu seseorang itu mestilah orang yang berilmu dan dapat menguasai bidang ilmu yang diceburinya itu secara menyeluruh serta mempunyai jati diri yang kuat.

Setelah menjadi seorang yang pakar dalam satu-satu bidang ilmu itu, suatu sumbangan harus dilakukan kepada bidang yang diceburi sehingga memberi kesan yang positif kepada bidang tersebut seterusnya memberi sumbangan dan manfaat kepada masyarakat.

Kajian ini telah membuktikan bahawa Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī merupakan seorang tokoh al-Qur'an yang berwibawa. Beliau dilihat sebagai seorang tokoh yang pakar dalam bidang yang diceburi dan telah menyumbang sesuatu yang memberi manfaat kepada masyarakat umum.

## RUJUKAN

°Abd al-Fattah al-Qadi, (1991), *Tarikh al-Qurra' al-°Asharah Wa Ruwatihim*, Kaherah Mesir.

°Abd Allah al-Sālim, *Tarājim al-Qurrā' al-Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī*, Islamophile, <http://www.islamophile.org/spip/article796,796.html> [8 Februari 2011].

°Alā' Rif'at, (2009), *Sīrah al-Shaykh al-Qurrā' al-Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī*, Muntadayāt Ṣawt al-Qur'ān al-Hakīm, <http://quran.maktoob.com/vb/quran62868/> [7 Januari 2011].

Ayman °Abd al-Ḥakam al-Ḥuṣarī, 2010, Sejarah Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī. Temubual. [8 Jun 2010]

Jam'iyah al-Shaykh al-Husari, *Fadhilah al-Shaykh Mahmud Khalil al-Husari*, <http://elhosary.org/main/topics.php?id=68> [6 Jun 2011].

Khairul Anuar Mohamad, (2011), Lagenda Tarannum al-Quran Mesir, Darul Ulum Online, <https://darululumonline.wordpress.com/2011/09/25/legenda-tarannum-al-quran-mesir/>.

Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, Tahkik: Muḥammad Talḥah Bilāl 1417 H, *Ahkām Qirā'ah al-Qur'āniyyah*, Maktabah al-Makkiyyah, Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.

Maḥmūd Khālīl al-Ḥuṣarī, (1966M), *Ma°ālim al-Ihtidā' Ilā Ma°rifah al-Waqf Wa al-Ibtidā'*, Maṭābi° Shirkah al-Shamrī Kaherah Mesir.

Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, (2004), *al-Faṭḥ al-Kabīr Fī al-Isti°adhah Wa al-Takbīr*, Maktabah al-Sunnah Kaherah Mesir.

Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, (t.th) *al-Qirā'āt al-°Ashr Min al-Shāṭibiyyah Wa al-Durrah*, Kaherah Mesir.

Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, (t.th) *al-Sabīl al-Muyassar Fī Qirā'ah al-Imām Abī Ja'far*,  
Kaḥerah Mesir.

Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, (2003), *Aḥsan al-Āthar Fī Tārīkh al-Qurrā' al-Arba'ah 'Ashr*,  
Maktabah al-Sunnah Kaḥerah Mesir.

Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, (t.th), *Riwayah Warsh 'An al-Imām Nāfi' al-Madanī*, Dār  
al-Kutub Kaḥerah Mesir.

Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, (t.th), *Riwayah al-Dūrī 'An Abī 'Amr Ibn al-'Alā' al-Baṣrī*,  
Kaḥerah Mesir.

Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, (2004), *Nūr al-Qulūb Fī Qirā'ah al-Imām Ya'qūb*, Maktabah  
al-Sunnah Kaḥerah Mesir.

Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, 1976 *Ma' al-Qur'ān al-Karīm*, , Kaḥerah Mesir.

Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, (t.th), *Riḥlatī Fī al-Islām*, Kaḥerah Mesir.


Mawqī' Faḍīlah al-Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, *al-Sirāh al-Dhātīyah*,  
<http://www.elhosary.page.tl> [11 Februari 2011].

Masrawy, (2010) *Al-Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī*,  
<http://www.masrawy.com/Isameyat/quran/Sofria/2010/april/7/el7osary.aspx#> [5  
Januari 2011].

## LAMPIRAN A

### GAMBAR-GAMBAR SHAYKH MAḤMŪD KHALĪL AL-ḤUṢARĪ

Kad pengenalan diri al-Shaykh Maḥmud Khalil al-Ḥuṣarī



Sumber: Mawqī<sup>c</sup> Faḍīlah al-Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, *al-Sirāh al-Dhātīyah*,  
<http://www.elhosary.page.tl>.

Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī bersama anakanda beliau.



Sumber: Mawqī<sup>c</sup> Faḍīlah al-Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, *al-Sirāh al-Dhātīyah*,  
<http://www.elhosary.page.tl>

Shaykh Maḥmūd Khalīl semasa melawat ke Malaysia.



Sumber: Jam<sup>c</sup>iyyah al-Shaykh al-Husari, *Fadhilah al-Shaykh Mahmud Khalil al-Husari*,  
<http://elhosary.org/main/topics.php?id=68>.



Hujan turun ketika lawatan Shaykh Maḥmūd Khalil ke Malaysia.



Sumber: Mawqī<sup>c</sup> Faḍīlah al-Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, *al-Sirāh al-Dhātīyah*,  
<http://www.elhosary.page.tl>

Shaykh Maḥmūd Khalil bersama Perdana Menteri Malaysia Tunku Abdul Rahman di  
Majlis Musabaqah al-Qur'an Peringkat Antarabangsa di Malaysia.



Sumber: Mawqī<sup>c</sup> Faḍīlah al-Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, *al-Sirāh al-Dhātīyah*,  
<http://www.elhosary.page.tl>

Shaykh Maḥmūd Khalīl di majlis jamuan bersempena Musabaqah al-Quran.



Sumber: Mawqī° Faḍīlah al-Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣārī, *al-Sirāh al-Dhātīyah*,  
<http://www.elhosary.page.tl>

Shaykh Maḥmūd Khalīl ketika bertemu dengan Jimmy Carter, Presiden Amerika Syarikat.



Sumber: Mawqī° Faḍīlah al-Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣārī, *al-Sirāh al-Dhātīyah*,  
<http://www.elhosary.page.tl>

Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī ketika di majlis pengislaman warga Amerika Syarikat.



Sumber: Mawqī<sup>c</sup> Faḍīlah al-Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, *al-Sirāh al-Dhātīyah*,  
<http://www.elhosary.page.tl>

Shaykh Maḥmūd Khalīl bersama Shaykh Muḥammad Ṣiddīq al-Minshāwī



Sumber: Mawqī<sup>c</sup> Faḍīlah al-Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, *al-Sirāh al-Dhātīyah*,  
<http://www.elhosary.page.tl>

Shaykh Maḥmūd Khalīl ketika di Majlis Muktamar Kesatuan *Qurra* ' Sedunia di Pakistan.



Sumber: Mawqī<sup>c</sup> Faḍīlah al-Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, *al-Sirāh al-Dhātiyah*,  
<http://www.elhosary.page.tl>

## LAMPIRAN B

### HASIL SUMBANGAN SHAYKH MAḤMŪD KHALĪL AL-ḤUṢARĪ

Sebuah masjid yang diberi nama Jāmi<sup>ḥ</sup> al-Ḥuṣarī di Mesir. Ianya merupakan sebuah masjid yang dibina atas wasiat dari Shaykh Maḥmud Khalīl al-Ḥuṣarī.



Sumber: Jam<sup>ḥ</sup>iyah al-Shaykh al-Husari, *Fadhilah al-Shaykh Mahmud Khalil al-Husari*,  
<http://elhosary.org/main/topics.php?id=68>.

Batu bertulis sebagai tanda rasmi pembukaan masjid dan ma'had agama Shaykh Maḥmud Khalīl al-Ḥuṣarī.



Sumber: Jam<sup>ḥ</sup>iyah al-Shaykh al-Husari, *Fadhilah al-Shaykh Mahmud Khalil al-Husari*,  
<http://elhosary.org/main/topics.php?id=68>.

## LAMPIRAN C

### GAMBAR RESPONDEN PENKAKJI DALAM MENDAPATKAN MAKLUMAT KAJIAN

Ayman Ibn °Abd al-Ḥakam Ibn Maḥmūd al-Ḥuṣarī. (Cucunda Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī) merupakan antara sumber maklumat pengkaji.



Sumber: Ayman °Abd al-Ḥakam al-Ḥuṣarī, 2010, Sejarah Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī

Ayman °Abd al-Ḥakam al-Ḥuṣarī (di tengah) bersama datuknya Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī.



Sumber: Ayman °Abd al-Ḥakam al-Ḥuṣarī, 2010, Sejarah Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī